

UNIVERSITI MALAYA
GARIS PANDUAN PELANTIKAN BERSAMA / DUAL APPOINTMENT

1. TUJUAN

Garis panduan untuk melantik staf atas dasar pelantikan bersama / “*Dual Appointment*” ini adalah untuk diterimapakai oleh Universiti dalam urusan pelantikan bagi staf akademik (selepas ini disebut ‘staf’) yang memegang jawatan hakiki di PTj Akademik dan turut dilantik di Pusat Kecemerlangan / *University of Malaya Centre of Excellence* (UMCoE) dan *Higher Institutions Centre of Excellence* (HICoE) sebagai Pusat Tanggungjawab (PTj) penempatan bersama secara serentak.

2. TAKRIF*

Pelantikan Bersama merujuk kepada pelantikan staf hakiki di PTj Akademik di bawah Pusat Kecemerlangan (UMCoE dan HICoE) sebagai PTj penempatan. Pada masa yang sama, staf adalah bertanggungjawab kepada PTj Akademik sebagai PTj penempatan bersama yang mana staf dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran jika diperlukan. Jawatan ini akan disandang oleh staf dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti selepas mendapat persetujuan Pengarah UMCoE, Dekan PTj, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Bagi HICoE, pelantikan staf adalah secara hakiki di HICoE dan tanggungjawab pengajaran, jika diperlukan, akan ditetapkan secara persetujuan bersama antara Pengarah HICoE dengan Ketua PTj.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Staf akan diberikan tanggungjawab beban tugas pengajaran berdasarkan budi bicara Pengarah UMCoE masing-masing tetapi hendaklah memenuhi had minimum beban tugas pengajaran mengikut gred jawatan masing-masing. Had minimum beban tugas yang perlu dipatuhi adalah memenuhi sekurang-kurangnya dua puluh tiga (23) jam beban tugas pengajaran setiap tahun. Staf juga hendaklah mencapai skor *Course Teaching and Evaluation System* (CTES) sekurang-kurangnya 3.5/ 5.0 bagi setiap kursus diajar dalam setiap tahun. Beban tugas pengajaran adalah diwajibkan ke atas setiap staf dan tidak boleh sama sekali digantikan atau disamatarafkan dengan penerbitan yang dihasilkan dalam jurnal diindeks di bawah ISI/WoS.

3.2 PENYELIAAN

Staf akan diberikan tanggungjawab beban tugas penyeliaan dalam jumlah tertentu berdasarkan budi bicara Pengarah UMCoE masing-masing tetapi hendaklah memenuhi had minimum penyeliaan mengikut gred jawatan iaitu menyelia atau menyelia bersama sekurang-kurangnya **satu (1)** calon PhD atau **satu (1)** calon Sarjana (Secara Penyelidikan) atau **3** calon Sarjana (Secara Kursus dan Penyelidikan) atau **5** calon Sarjana (Secara Berkursus).

Bagi staf UMCoE dan HICoE yang tidak diberikan beban tugas pengajaran oleh PTj masing-masing, beban tugas penyeliaan ijazah tinggi boleh menggantikan beban tugas pengajaran mengikut budibicara dan persetujuan bersama antara UMCoE dan/atau HICoE dengan Ketua PTj.

3.3 PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI

Staf akan diberikan tanggungjawab menghasilkan penerbitan/ mendapatkan geran penyelidikan berdasarkan jumlah tertentu mengikut budi bicara Pengarah HICoE masing-masing tetapi hendaklah memenuhi had minimum penyelidikan, penerbitan dan inovasi iaitu mengemukakan sekurang-kurangnya **(satu) 1** penerbitan ISI (WoS) atau **satu (1)** buku atau **3** bab dalam buku setahun serta mempunyai geran penyelidikan dalam/luar sekurang-kurangnya **RM50,000.00**.

3.4 PENGANTARABANGSAAN DAN JARINGAN

Staf akan diberikan tanggungjawab mendapat pengiktirafan/ pengantarabangsaan mengikut jumlah ditetapkan berdasarkan budi bicara Pengarah UMCoE dan/atau HICoE masing-masing tetapi hendaklah memenuhi had minimum pengantarabangsaan dan jaringan iaitu melaksanakan sekurang-kurangnya **satu (1)** aktiviti setahun seperti pembentangan kertas/ seminar/ bengkel atau mana-mana aktiviti yang berkaitan .

3.5 PENGIKTIRAFAN DAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL

Staf akan diberikan tanggungjawab sumbangan khidmat profesional dalam bidang masing-masing berdasarkan budi bicara Pengarah UMCoE dan/atau HICoE masing-masing mengikut jumlah ditetapkan tetapi hendaklah memenuhi had minimum pengiktirafan dan perkhidmatan profesional iaitu sekurang-kurang **satu (1)** pelantikan sebagai Konsultan Projek/ Pakar Penasihat/ Pakar Rujuk/ Panel Penilai/ Pemeriksa/ Pengulas/ Penyunting atau melaksanakan **satu (1)** kursus/ khidmat perundingan/ konsultan profesional setahun atau mana-mana aktiviti yang berkaitan.

3.6 PENTADBIRAN

Staf hendaklah melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dengan memuaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah UMCoE dan/atau HICoE dan Ketua PTj yang berkenaan.

4.0 PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN

Keseluruhan prestasi tahunan staf bagi tahun semasa yang dinilai kecuali Bahagian Pengajaran dan Pembelajaran, hendaklah dibuat oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) yang terdiri dari Pengarah UMCoE dan TNC (Penyelidikan & Inovasi) selaku PPK. Manakala bagi komponen Pengajaran dan Pembelajaran, beliau hendaklah dinilai oleh Ketua Jabatan selaku PPP dan/atau Dekan PTj selaku Pegawai Penilai Kedua (PPK). Markah penuh kedua-dua penilaian oleh Pengarah UMCoE dan Ketua PTj hendaklah 100% tetapi dikira mengikut peratusan sejumlah 75% penilaian di UMCoE dan 25%

penilaian dibuat oleh Ketua PTj.

Bagi HICoE, penilaian adalah 100% dibuat oleh Pengarah HICoE sebagai Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) selaku Pegawai Penilai Kedua (PPK).

Bagi penilaian untuk tujuan kenaikan pangkat, staf UMCoE dan HICoE adalah dinilai mengikut *Standard Academic Performance Target (SAPT)* yang ditetapkan oleh UMCOE dan HICoE berkenaan pada tahun penilaian dibuat. Penilaian untuk kenaikan pangkat akan dinilai 100% oleh Pengarah UMCoE dan/atau HICoE berkenaan.

5.0 PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN

Setelah staf menamatkan tempoh lantikan di UMCoE dan/atau HICoE dengan memuaskan dengan mendapat markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 80%, staf boleh diperakukan untuk pelanjutan tempoh perkhidmatan. Pengarah UMCoE dan/atau Pengarah HICoE hendaklah mencadang dan berbincang dengan Ketua PTj dan dengan persetujuan bersama antara kedua-dua belah pihak, memperakukan cadangan pelanjutan kepada Pejabat Bahagian Sumber Manusia untuk diluluskan oleh TNC (Akademik dan Antarabangsa). Permohonan ini hendaklah dibuat oleh Pengarah UMCoE dan/atau Pengarah HICoE dan melalui TNC (Penyelidikan & Inovasi). Tempoh minimum ditetapkan untuk pelanjutan ialah sekurang-kurangnya 6 (enam) bulan dan bagi staf yang dilantik kontrak selepas bersara, tempoh pelanjutan dicadangkan hendaklah tidak melebihi 3 (tiga) pelantikan kontrak lepas bersara staf yang dikira daripada tarikh persaraannya. Pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) bertanggungjawab menguruskan pelantikan dan pelanjutan tempoh perkhidmatan staf. Urusan pelanjutan tempoh visa staf, jika berkenaan, akan diuruskan oleh Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC).

*Catatan:

- (1) Garis panduan ini tidak terpakai kepada staf yang dilantik secara tetap (5 jawatan Hakiki) dan jawatan bertaraf kontrak yang diperuntukkan kepada setiap UMCOE dan HICOE sehingga tahun 2015 berdasarkan kekosongan jumlah perjawatan yang sedia ada.
- (2) Bagi HICoE termasuk *Photonics Research Centre (PRC)* dan *UM Power Energy Dedicated Advancement Centre (UMPEDAC)*, tiada PTj hakiki bagi staf akademik yang dilantik.
- (3) Bagi *Centre for Research in Biotechnology for Agriculture (CEBAR)* dan *Institute of Ocean and Earth Sciences (IOES)*, pelantikan staf akademik yang telah dilantik di PTj boleh dikeluarkan tawaran dwi pelantikan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan PTj dan dengan persetujuan bersama antara Dekan PTj dengan Pengarah HICoE